

20/10/1998

Usah patah semangat jika hilang pemimpin

GEORGETOWN, Isnin - Kehilangan pemimpin tidak seharusnya mematahkan semangat ahli Umno untuk terus mengukuhkan parti serta memperjuangkan kepentingan orang Melayu, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang juga Menteri Luar, berkata sejak Umno ditubuhkan pemimpin sering datang dan pergi, tetapi ahli mesti meneruskan perjuangan parti.

Sehubungan itu, katanya, Umno Pulau Pinang juga perlu meneruskan perjuangan membela orang Melayu di negeri walaupun tanpa Pengerusi Perhubungan Umno negeri yang sebelum ini diterajui Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Abdullah diminta mengulas sama ada ketiadaan bekas Timbalan Presiden Umno itu menerajui Umno Pulau Pinang akan menjejaskan keutuhan parti itu.

"Umno Pulau Pinang perlu memahami hakikat itu dan bersedia belajar untuk berjuang sama ada bersama atau tanpa Anwar," katanya selepas merasmikan majlis penutup Eksponika Pameran dan Jualan Barangan Buatan Malaysia di Tapak Ekspo, Sungai Nibong di sini, malam tadi.

Abdullah berkata, Umno mempunyai rekod cemerlang dalam memperjuangkan kesejahteraan rakyat dan berjaya dalam pelbagai bidang yang diusahakan.

Menurutnya, walaupun ada sebahagian ahli masih keliru mengenai masalah politik Umno ketika ini, penjelasan berterusan perlu dilakukan.

Bagaimanapun, katanya, perkara lebih penting yang perlu dilakukan ahli Umno ketika ini ialah memastikan usaha pemulihan ekonomi negara yang usahakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjaya.

Mengulas tindakan sesetengah ahli Umno menghadiri ceramah anjuran Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak), Abdullah berkata, itu adalah perkara biasa yang berlaku setiap kali menjelang pilihan raya.

"Mereka itu sama ada ahli Umno atau tidak datang semata-mata untuk mendengar ceramah dan mendapat maklumat, tetapi itu tidak bermakna mereka menyokong parti pembangkang," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan pengalaman lalu, ceramah PAS dan DAP sentiasa mendapat sambutan ramai, tetapi rakyat tetap mengundi Barisan Nasional (BN).

Menurutnya, isu yang dihadapi kerajaan sentiasa berubah terutama menjelang pilihan raya dan keadaan ini digunakan parti pembangkang untuk meraih undi.

"Saya percaya rakyat tetap mahu melihat Umno terus kukuh dan menjadi parti yang boleh dipercayai untuk memerintah negara ini," katanya.

(END)